



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 27 DISEMBER 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KEMENTERIAN PERTANIAN 'MAIN TARIK TALI', NEGERI, HARAKAH -N18	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
2.	NAFAS BELA AHLI, ASNAF, NASIONAL, SH -18	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
3.	LPP RINGANKAN BEBAN KAKITANGAN, NASIONAL, SH -14	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/12/2019	HARAKAH	NEGERI	N16

Kementerian Pertanian 'main tarik tali'

Oleh SARINA ISMAIL

ALOR SETAR: Kelemahan kerajaan Pakatan Harapan (PH) tidak mampu disembunyikan lagi apabila masing-masing bermain tarik tali isu kelewatan pengagihan benih padi dan baja subsidi kepada petani.

Apa yang berlaku sekarang Kementerian Pertanian menyalahkan Kementerian Kewangan kerana lambat memberi peruntukan.

Sebaliknya Kementerian Kewangan pula menjawab duit sudah disalurkan namun kelemahan pengurusan Kementerian Pertanian.

Pesuruhjaya PAS Kedah, Ustaz Ahmad Yahaya berkata, sikap bermain tarik tali dua kementerian terbabit banyak menyusahkan petani.

Katanya kesan kelewatan bekalan benih padi dan baja subsidi mem-



Ustaz Ahmad Yahaya

bantutkan penanaman padi.

"Sikap pemimpin PH tidak ubah seperti permainan tarik tali di mana mereka saling menyalahkan antara satu sama lain.

"Sekarang ini sudah

masuk pertengahan musim baru tetapi bekalan padi benih dan baja belum selesai," katanya di sini.

Baru-baru ini Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Petani MADA Che Ani Mat Zain memberitahu petani hanya menerima baja sebanyak 20,000 beg sahaja sekarang.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/12/2019	SINAR HARIAN	NASIONAL	18

Nafas bela ahli, asnaf

Perkasa program CSR sebagai platform kongsi untung

HAZELEN LIANA KAMARUDIN

PASIR MAS

Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) melaksanakan beberapa program tanggungjawab sosial korporat (CSR) dalam usaha membela nasib ahli dan golongan petani secara telus di peringkat akar umbi.

Ahli Jemaah Pengarah Nafas, Mohd Hisyamuddin Ghazali berkata, agihan sumbangan di bawah program CSR itu

merupakan hasil keuntungan yang diperoleh Nafas menerusi aktiviti perniagaan antaranya kontrak baja subsidi setiap tahun dan juga perniagaan syarikat-syarikat subsidi.

Katanya, antara program CSR Nafas ialah Jom Ke Sekolah, Kasih Peladang (agihan wakalah zakat), Reformasi Peladang serta Skwad Bantuan Banjir dan juga beberapa program lain yang dilaksanakan mengikut keperluan semasa.

"Program CSR Nafas kali ini dirancang pelaksanaannya secara menyeluruh untuk ahli Peladang dan juga masyarakat setempat. Nafas bangkit memperkasakan program CSR dengan tujuan berkongsi segala hasil keuntungan kepada seluruh ahli termasuklah golongan asnaf," katanya.

Beliau berkata demi-



Mohd Hisyamuddin (belakang, empat dari kiri) bersama penerima kelengkapan sekolah sempena Program Jom Ke Sekolah di Pasir Mas semalam.

kian ketika ditemui pada Program Jom Ke Sekolah yang melibatkan 300 pelajar dari kawasan Chetok, Apam Putra dan Rantau Panjang di Sekolah Kebangsaan Dato' Abdul

Hamid (1) di sini semalam.

Hadir sama, Ketua Pegawai Pendidikan Daerah Pasir Mas, Bahari Daud.

Menurut Mohd Hisyamuddin, penerima bantuan yang kebanyakannya

terdiri daripada ahli dan golongan asnaf itu bertujuan untuk membantu meringankan beban perbelanjaan dalam menyediakan barangan keperluan sekolah.

Katanya, sehingga kini seramai 3,200 pelajar dari golongan B40 di seluruh negara telah menedima manfaat tersebut.

Mohd Hisyamuddin berkata, selain Kelantan, program itu turut berlangsung di beberapa negeri lain antaranya Kedah, Johor, Perlis, Pahang dan Selangor.

Sementara itu, Norapizan Ghazali, 50, mengakui teruja menjadi salah seorang penerima manfaat tersebut.

Ibu kepada tiga orang anak itu berkata, sumbangan itu amat membantu dalam meringankan beban perbelanjaan untuk sesi persekolahan anak-anaknya bagi tahun 2020.

"Saya berterima kasih kepada Nafas kerana membela nasib kami," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/12/2019	SINAR HARIAN	NASIONAL	14



Khuzaimah dan anak-anaknya Muhammad Sirhan Irsyad, (tegang) serta Muhammad Sirhan Hafiz, 10, memilih baju sekolah di Mydin.



Mazlan (diri) membantu penerima memilih baju sekolah sempena Program Back To School Anggota Ibu Pejabat LPP.



Norlizawati Shahry, 35, (diri) membantu anaknya Muhammad Ridwan Nasrullah Husaini, 16, memilih kelengkapan sekolah.

LPP ringankan beban kakitangan

Salur bantuan kelengkapan sekolah menerusi program Back To School

HIDAYAH HAIROM

SUBANG JAYA

Seramai 51 orang anak-anak kakitangan kumpulan pelaksana Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Ibu Pejabat, menerima bantuan persekolahan sempena Program Back To School di sini semalam.

Pengerusi LPP, Datuk Mazlan Aliman berkata, inisiatif itu sebagai tanda keprihatinan LPP bagi meringankan beban kakitangan untuk menyediakan keperluan anak-anak yang masih bersekolah.

Menurutnya, penerima bantuan adalah terdiri daripada kakitangan gred 19 ke bawah dan masing-masing menerima baucar pembelian tunai Mydin bernilai RM150 bagi setiap anak.

"Pada tahun ini kita hadkan dua anak bagi setiap kakitangan. Diharapkan bantuan ini dapat meringankan beban kakitangan. Kita akan lihat semula jika ada keperluan untuk menambahkan nilai bantuan tahun hadapan.

"Pada masa sama, bermula tahun hadapan kita akan kembangkan program bantuan ini untuk anak-anak bagi kakitangan di peringkat negeri," katanya pada sidang akhbar selepas menyampaikan bantuan Program Back To School di Mydin USJ 1 di sini semalam.



Anak-anak kakitangan Ibu pejabat LPP ceria membeli kelengkapan sekolah di Mydin USJ 1 semalam.

Hadir sama, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan LPP, Norlizah Muhamad dan Pengerus Bahagian Komunikasi Korporat, Ibu Pejabat Mydin, Mohd Tarmizi Mustafaha.

Program julung kali yang merupakan antara inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) LPP itu dilaksanakan dengan kerjasama Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas).

Dalam pada itu, Mazlan turut menyatakan komitmen untuk menambahkan bantuan daripada segi bayaran yuran persekolahan anak-anak bagi kakitangan yang tidak berkemampuan.

Dalam perkembangan berka-ritan, beliau berkata, pihaknya berhasrat memperluaskan skop bantuan kebajikan kepada ma-

syarakat peladang dan kakitangan supaya tidak terhad kepada aspek pelajaran semata-mata.

Katanya, cadangan penurukan nama Yayasan Pelajaran Nafas kepada Yayasan Peladang akan diusulkan pada mesyuarat agung tahunan akan datang.

"Dengan perluasan skop itu aktiviti kebajikan akan lebih menyeluruh tidak hanya pada bantuan pelajaran tetapi juga bantuan untuk misi kemanusiaan, bencana dan juga kesihatan atau kematian.

"Program untuk mengumpul dana kebajikan juga akan diadakan yang mana saya yakin lebih banyak bantuan boleh disalurkan bukan hanya untuk masyarakat peladang tetapi untuk kebajikan kakitangan," katanya.

Kakitangan hargai keprihatinan LPP

KEPRIHATINAN LPP yang meringankan beban kakitangan dalam menyediakan kelengkapan persekolahan anak untuk sesi 2020 amat dihargai.

Kakitangan LPP, Khuzaimah Mohd Asa'ari, 35, berkata, dua anaknya, Muhammed Sirhan Asif Mohd Saiful, 10 dan Muhammed Sirhan Irsyad, 8, menerima bantuan

baucar pembelian tunai Mydin bernilai RM150 untuk membeli kelengkapan persekolahan.

"Biasanya setiap tahun anak-anak hanya ada baju sekolah sepasang setiap seorang. Tapi untuk tahun depan mereka dapat sepasang lagi baju dengan bantuan ini," katanya.

Dia yang sudah 11 tahun

berkhidmat berasa amat bersyukur kerana diberi peluang mendapat bantuan daripada LPP.

Seorang lagi kakitangan, Hamzah Ramli, 49, turut berterima kasih kepada LPP yang mengambil berat terhadap anggota bawahan.

Katanya, bantuan yang diterimanya itu meringankan beban perbelanjaan untuk menyediakan kelengkapan dua anaknya, Nurhan-

nina Asfa, 11 dan Nurhanani Asfa, 14 bagi menempuh sesi persekolahan baharu.

"Setiap tahun sekurang-kurangnya RM2,000 saya belanjakan untuk kelengkapan anak-anak bersekolah. Terima kasih pada pihak pengurusan yang prihatin dengan saya dan rakan sekerja lain," katanya.



KHUZAIMAH



HAMZAH



Mazlan bersama tetamu kehormat, kakitangan LPP dan anak-anak yang menerima baucar pembelian tunai Mydin bernilai RM150 sempena Program Back To School.